

18 OCT 2001

DR MAHATHIR ZIARAH AGONG SEKALI LAGI DI SINGAPURA

SINGAPURA, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi melawat Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang masih berehat selepas menjalani pembedahan kecil di Hospital Mount Elizabeth di sini pada 6 Okt lepas.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghabiskan masa lebih kurang 20 minit bersama Seri Paduka dan juga pakar-pakar perubatan yang menjaga beliau.

Inilah kali keempat Dr Mahathir melawat Seri Paduka di hospital itu.

Pakar perunding kardiologi hospital itu Datuk Dr Richard Ng berkata Sultan Salahuddin beransur-ansur pulih.

"Beliau berada dalam keadaan baik. Beliau semakin pulih," kata Dr Ng.

Seri Paduka yang menemui pemberita Malaysia pada Isnin untuk mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang mendoakan baginda pulih segera, terus menerima kujungan.

Cucunya Tengku Syed Budriz Jamallulail berkata, Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Abang Mohamad Salahuddin dan isteri, Toh Puan Hajah Nokiah melawat baginda pagi ini.

-- BERNAMA

TCL PR